

TR 1:6:74

UCAPAN PERDANA MENTERI DI RAPAT
UMUM BARISAN NASIONAL DI PADANG
KELAB SELANGOR, KUALA LUMPUR PADA
2HB JUN, 1974

Saudara Pengerusi, Ketua-ketua Barisan Nasional, Saudara-saudara
sekalian yang hadir.

Saya sangatlah terharu melihatkan perhimpunan yang begini
ramainya pada malam ini. Pada fikiran saya inilah perhimpunan
yang terbesar sekali yang pernah diadakan di Ibu Kota kita.
Disebabkan saudara-saudara sekalian telah datang dari tempat-
tempat yang jauh dan untuk mengenangkan dan mengingati
perhubungan diplomatik kita dengan negara Republik Rakyat
Cina, saya sukacita mengisytiharkan besok boleh jadi hari cuti
am. Oleh itu sesiapa yang tak sempat balik bolehlah duduk
di Kuala Lumpur semalam lagi.

Saudara-saudara sekalian.

Saya sukalah mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada
saudara-saudara yang telah sudi datang dari serata ceruk rantau
negara kita untuk menghadiri rapat raksaksa yang diadakan oleh
Barisan Nasional pada malam ini. Begitu juga saya mengucapkan
terima kasih kepada sahabat saya Encik Ghafar dan jawatankuasa-
nya yang telah dapat mengaturkan rapat raksaksa pada malam
ini. Kehadiran saudara-saudara yang begini ramainya adalah
menunjukkan yang saudara-saudara sekalian menerima dan mem-
beri sokongan yang kuat kepada konsep Barisan Nasional yang
kita sedang ujudkan pada masa ini. Saya percaya dengan sokongan
yang begini besar, yang begini kuat, yang begini hangat Barisan
Nasional akan tumbuh dengan subur dan dengan kuatnya pada
beberapa tahun yang akan datang ini. Saya masih ingat lagi
dua puluh dua tahun dahulu pada masa kita menubuhkan
Perikatan, ada rintangan-rintangan di antara parti-parti dalam
Perikatan. Rintangan-rintangan itu ialah merupakan perbezaan
asas di kalangan parti-parti dalam Perikatan. Akan tetapi apabila
konsep Perikatan itu telah diterima oleh rakyat jelata dan bila
Perikatan telah menunjukkan bukti-bukti dan jasanya pada rakyat

jelata, perbezaan asas itu telah menjadi pokok kekuatan kepada parti Perikatan dan parti Perikatan telah diterima oleh rakyat sehingga hari ini.

Begitu juga saudara-saudara sekalian jikalau pada masa ini ada perbezaan asas di antara anggota-anggota dalam parti-parti dalam Barisan Nasional saya yakin dan percaya perbezaan ini akan hilang. Perbezaan ini akan dihapuskan dan perpaduan yang kuat akan timbul di kalangan parti-parti dalam Barisan Nasional. Saya bersyukur ke hadrat Tuhan dalam negara kita daripada berbilang bangsa ini kita telah dapat menyatupadukan tenaga rakyat yang besar di bawah panji-panji Barisan Nasional. Kita mengetahui bahawa dalam negara kita ini kalau tidak ada perpaduan di kalangan rakyat dan kalau ada pertentangan politik yang hangat di antara satu pihak dengan pihak yang lain ini akan menghalang usaha-usaha kita untuk menjalankan rancangan-rancangan kemajuan khususnya usaha-usaha kita untuk memajukan negara kita dan melaksanakan dasar kita menurut rukun negara dan juga dasar ekonomi baru yang kita telah terima dengan sepenuhnya itu. Jadi memandangkan keadaan inilah saya telah mengambil inisiatif untuk menubuhkan Barisan Nasional ini supaya parti-parti yang menumpukan taat setianya pada Malaysia, supaya parti-parti yang mempunyai dasar menyatupadukan rakyat dapat bekerjasama di antara satu dengan lain untuk melaksanakan cita-cita negara kita ini.

Saya bersyukur ke hadrat Tuhan di atas kejayaan penubuhan Barisan Nasional ini dan saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ketua-ketua parti yang ada bersama dengan kita pada malam ini, Ketua-ketua parti yang telah bersetuju mengenyepikan kepentingan partinya, mengenyepikan kepentingan diri mereka itu dan mengutamakan kepentingan bangsa dan negara. Kita berharap dengan adanya konsep Barisan Nasional ini dan yang kita jaya menyatukan tenaga parti-parti yang saya sebutkan tadi iaitu parti dalam Perikatan, UMNO, MCA, MIC, Parti PAS, Parti Gerakan, Parti PPP, Parti SUPP, yang kita harap akan dapat meredakan pertelingkahan politik dan rakyat negeri ini daripada semua bangsa, dapat menumpukan usaha dan tenaga kepada pembangunan negara kita, usaha-usaha menguatkan perpaduan rakyat. Kita sendiri dapat melihat dan mengetahui semenjak Barisan Nasional ditubuhkan faedah-faedah telah didapati daripada konsep Barisan Nasional ini.

Kerajaan campuran telah ditubuhkan di negeri-negeri di Negeri Pulau Pinang, di Negeri Perak, kemudian Negeri Kelantan, Trengganu dan Negeri Kedah, telah menunjukkan bahawa kejayaan-kejayaan yang besar dapat dicapai disebabkan adanya konsep Kerajaan Campuran ini. Jadi saya berharap dengan sokongan yang hangat dan yang kuat daripada saudara-saudara semua daripada rakyat negara ini seluruhnya kita dapat memperkuat dan memperkukuhkan lagi konsep Barisan Nasional ini supaya dengan itu negara kita yang muda yang sedang membangun itu akan dapat terus maju ke hadapan dan kita akan dapat memberi tempat yang sempurna kepada rakyat negara kita daripada berbilang bangsa. Tak dapat tiada seperti saya telah terangkan dalam rapat umum yang telah kita adakan pada masa yang lampau inilah rapat umum yang kelima yang kita adakan bagi mengenalkan Barisan Nasional ini.

Dalam rapat umum yang kita adakan pada masa yang lampau, saya telah terangkan juga tak dapat tiada kita menghadapi tentangan-tentangan daripada pihak-pihak Perkauman dan yang keduanya Anti-National. Kedua-dua pihak ini sungguhpun bilangannya kecil akan tetapi apabila kita biarkan mereka ini menjalankan aktiviti-aktiviti atau gerakan-gerakannya ini akan menghalang pembangunan negara kita, ini akan menyusahkan Kerajaan hendak menjaya cita-cita dan hasrat rakyat. Saya suka mengambil peluang ini memberi amaran kepada puak-puak ini bahawa kita di Malaysia ini mengamalkan demokrasi yang berparlimen. Akan tetapi kita ada mempunyai Undang-undang, kita ada mempunyai aturan-aturan dan kalau mereka itu melanggar Undang-undang negara tak dapat tiada Kerajaan terpaksa mengambil tindakan terhadap mereka itu. Kita berharap mereka itu akan menjauhkan diri daripada menggunakan issue-issue sensitif untuk mendapat sokongan rakyat, sebab ini boleh menimbulkan perselisihan faham dan pergaduhan di kalangan rakyat yang tidak diingini.

Begitu juga baru-baru ini ada timbul petualang dalam parti-parti dalam Barisan Nasional sendiri yang cuba hendak memecahbelahkan dan hendak melemahkan perjuangan Barisan Nasional. Kita tahu petualang-petualang ini, kita sentiasa memperhatikan gerak-geri mereka itu, kita tahu di mana mereka itu mendapat sokongan, dari dalam ataupun dari luar negeri. Kita sentiasa mengawasi mereka itu, jadi saya berharap mereka itu berwaspada supaya

jangan menjalankan gerakan-gerakan yang boleh merosakkan perpaduan rakyat yang boleh memecahbelahkan rakyat dan boleh menghalang kemajuan negara kita yang kita kasihi ini. Akan tetapi saudara-saudara sekalian, saya yakin dan percaya negara kita yang kita kasihi ini akan dapat maju ke hadapan dari sehari ke sehari dan cita-cita dan hasrat negara akan dapat dicapai dan terlaksana dengan sempurna.

Saudara-saudara sekalian.

Saya baru saja petang ini balik daripada membuat lawatan rasmi ke Negeri China iaitu negeri yang dinamakan Republik Rakyat China, negara yang terbesar sekali di dunia ini yang mempunyai rakyat 800 juta orang ramainya. Saya sangatlah tertarik hati dengan sambutan yang meriah dan mesra yang telah diberi kepada saya pada masa membuat lawatan ke Negeri China itu. Begitu jugalah saya sangatlah tertarik hati kepada sambutan yang diberi oleh rakyat di negeri ini pada masa yang balik pada petang tadi di padang Kapal Terbang Subang kita. Jadi ini adalah menunjukkan dengan terang dan nyata bahawa rakyat di kedua-dua negara adalah bersetuju dan menerima dasar kita dan pengurusan kita hendak mengadakan perhubungan diplomatik di antara Negeri China dengan Malaysia dan untuk melaksanakan dasar itulah kita telah mengadakan perhubungan diplomatik dengan semua negara-negara di dunia ini.

Negeri China telah memberi sokongan kepada dasar kita ini. Ini ialah satu perkara yang sangat baik, mereka itu dengan tidak payah kita meminta sokongan dengan kehendak mereka itu sendiri. Perdana Menteri Chou En Lai bukan dengan permintaan saya bahkan datang dari pada mulut dia sendiri mengatakan yang Kerajaan Negeri China menyokong konsep kebebasan Tenggara Asia. Begitu juga dia tanya dengan Selat Melaka saya kata kita dengan Indonesia berkehendakkan Selat Melaka itu tidak dijadikan Selat International, dia kata inipun dia sokong juga. Dia kata patut sangatlah Selat Melaka itu disebabkan Selat Melaka itu tempat rakyat Malaysia dan Indonesia mencari makan, tempat nelayan-nelayan menangkap ikan, jadi kalau di situ berlaku pecahan kapal atau berlaku pollution ini nescaya merosakkan mata pencarian rakyat, di Selat Melaka itu tempatnya sempit kita mengakui iaitu kawasan perairan kita dua belas batu, Indonesia pun dua belas batu, jadi sebahagian daripada Selat Melaka itu telah menjadi kawasan perairan Indonesia dan Malaysia. Dengan

sebab itulah kita kata Selat Melaka itu tak boleh dijadikan kawasan International bahkan mestilah dijadikan yang dikatakan "Internal waterways". Jadi kita syukur Kerajaan China telah menyokong dan mereka itu mengaku hendak menyokong dasar kita di dalam conference atau persidangan "Law of the sea" yang akan diadakan tidak berapa lama lagi.

Saudara-saudara sekalian.

Itulah saya kata tadi kita berkehendakkan keamanan dan kesetabilan. Dasar luar negeri kita menentukan dan menjaminkan keamanan dan kesetabilan begitu juga kita mesti menjaminkan keamanan dan kesetabilan dalam negeri kita, jadi dengan sebab itulah kita mesti menguatkan perpaduan di kalangan rakyat. Ini kita telah jalankan langkah-langkah yang kita telah tentukan dan telah kita ambil langkah-langkah ini saya telah sebutkan, kita telah mengambil langkah menguatkan perhubungan di antara rakyat daripada berbilang bangsa, menguatkan tali persahabatan dan muhibbah daripada berbilang bangsa dan saya percaya dengan adanya perhubungan kita dengan Negeri China sekarang ini dan dengan rakyat Malaysia daripada keturunan China sekarang ini tegas kedudukan mereka itu sebagai warganegara Malaysia, kita percaya kita akan dapat menyatupadukan rakyat dengan lebih sempurna, dengan lebih jaya lagi.

Jadi semua ini kita kena jalankan, begitu jugalah seperti saya katakan berkenaan dengan pengganas-pengganas komunis yang masih ada lagi mengancam keselamatan dalam negeri kita ini. Mereka itu sudah tak ada tempat lagi dengan adanya perhubungan diplomatik dengan Negeri China, tujuan mereka itu sudah hapus sama sekali. Jadi mereka itu hanya sia-sia sahaja perjuangan tetapi kalau mereka itu terus juga perjuangannya, terpaksa kita hapuskan mereka itu dengan sehabis-habisnya. Tetapi kita tak suka hendak membunuh mana-mana pihak, hendak menjahanamkan rakyat. Kalau mereka itu rakyat Malaysia suka hendak balik ke pangkuan masyarakat dan kita akan terima dengan baik dan kalau mereka itu merentikan dasar kekerasan yang mereka itu jalankan mereka itu akan dibenarkan seperti mereka yang ada di Sarawak pada masa ini dibenarkan mengambil bahagian dalam politik, dibenarkan menjalankan aktiviti-aktiviti dan usaha-usaha harian sebagai warganegara di negara kita. Jadi kita bersifat adil kepada semua pihak. Kita bukan ada niat tak

baik kepada mana-mana pihak, kita niat baik, kita niat hendak bersahabat dengan semua negara, kita niat kerana kita inginkan kemajuan, kita inginkan kepada perubahan-perubahan, jadi inilah dasar kita.

Dengan sebab cita-cita yang murni inilah kita telah mengambil langkah-langkah sehingga saya terpaksa pergi ke Negeri China untuk hendak melaksanakan dasar kita hendak mengadakan keamanan dan ketenteraman di Tenggara Asia ini. Malangnya oleh sebab saya barangkali umur lebih sedikit, tak ada upaya hendak naik terus ke atas Great Wall of China, hanya sampai kedua tingkat sahaja. Tan Sri Temenggung juga sampai dia ke tingkat tiga, dia lebih kuat lagi. Tetapi apa juga yang kita perlu buat kita buat, jadi itulah saudara-saudara sekalian saya bersyukur ke hadrat Tuhan kerana langkah-langkah yang kita telah ambil bagi kemajuan negara kita bagi keamanan dan ketenteraman negara kita telah mendapat sokongan yang kuat, yang hangat daripada rakyat negeri ini.

Saya sangatlah terharu dengan sokongan yang saudara-saudara beri kepada saya kembali saya daripada Negeri China ini. Saya ingat sokongan yang hangat hanya di Negeri China sahaja, di Negeri China di mana-mana saya pergi sambutan sangatlah hangat. Pada hari semalam saya berada di Shanghai pada masa saya sampai pagi pukul 11.00 mereka berbaris daripada lapangan kapalterbang sampai ke tempat saya tinggal tidak bergerak berbaris bertepuk semua serta jalan kemudian lepas makan tengahari saya keluar hendak melawat ke tempat kanak-kanak mereka itu masih berbaris lagi, bila saya balik petang mereka itu ada lagi berbaris juga, bila saya keluar makan malam pukul 7.30 mereka itu masih ada berbaris lagi, masa itu balik pukul 11.30 malam pun dia berbaris lagi, pukul 8.30 pagi saya hendak balik tadi pun dia berbaris lagi. Entah masa mana dia tidur pun saya tak tahu. Jadi ini menunjukkan bagaimana meriahnya dan mesranya sambutan yang mereka beri kepada rombongan kita yang telah pergi ke Negeri China itu. Jadi sambutan ini telah juga diikuti oleh sambutan yang besar dan meriah yang saudara-saudara beri kepada rombongan kita pada hari ini.

Jadi saudara-saudara sekalian saya sekarang, saya tak payahlah cakap lebih panjang lagi, tak ada apa hendak cakap lagipun sudah banyak bercakap. Kita syukurlah ke hadrat Tuhan kerana dengan terjalannya perhubungan diplomatik dengan negara yang

besar ini, nama dan martabat negara kita disanjung tinggi oleh dunia. Kita negara yang pertama di Asia Tenggara ini mengadakan perhubungan diplomatik dengan negara Republik Rakyat China, jadi ini menunjukkan kejujuran kita, keikhlasan kita hendak bersahabat kepada semua negara yang suka hendak bersahabat dengan kita. Dan kita berdoa ke hadrat Allah Subhanahuwataala mudah-mudahan langkah yang kita ambil ini dengan tujuan yang baik kita sertakan dengan Allah Subhanahuwataala dan kita semua diselamatkan oleh Allah Subhanahuwataala dan segala usaha-usaha kita untuk kemajuan dan kebahagiaan rakyat dan negara kita akan dapat dilaksanakan dengan sepenuh kejayaan.

Saudara-saudara, sekian sahajalah saya ucapkan saudara-saudara semua berbanyak terima kasih dan selamat pulang ke tempat masing-masing. Jangan lupa hari esok cuti sehari. Bolehlah kita bersama-sama bersyukur ke hadrat Tuhan mudah-mudahan kita sentiasa berada dalam peliharaan Allah Subhanahuwataala.

Sekian sajalah, selamat malam. **BERJAYA MALAYSIA, BERJAYA, BERJAYA.**